

Petronas dan geopolitik Sabah, Sarawak



Cadangan kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk menjual saham dalam Petronas kepada negeri-negeri yang mempunyai loji di mana syarikat minyak dan gas itu berada, mempunyai potensi impak geopolitik yang positif khususnya dalam konteks Sabah dan Sarawak.

Mungkin ada yang berpandangan bahawa langkah itu sebenarnya terpaksa diambil kerajaan susulan kegagalan PH memenuhi manifesto pilihan raya umum mereka sendiri iaitu memberikan 20 peratus daripada hasil pengeluaran petroleum kepada negeri-negeri pengeluar petroleum.

Ada dilaporkan bahawa permintaan Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan royalti boleh menyebabkan Petronas membayar sehingga AS\$7 bilion (RM29.15 bilion) setahun.

Mungkin juga ada yang berpendapat langkah itu diambil

menjelang pilihan raya negeri Sarawak tidak berapa lama lagi.

Bahkan, mungkin juga ada yang berspekulasi bahawa langkah itu diambil semata-mata untuk mendapatkan sokongan ahli parlimen Sabah dan Sarawak bagi menghalang peralihan kuasa daripada Tun Dr Mahathir kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Meski pun jika kesemua tiga kemungkinan itu benar, namun ia tetap tidak mengurangkan impak positif cadangan berkenaan.

Perlu diketahui bahawa sejak beberapa tahun lalu, wujud gerakan pemisah dikenali sebagai Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) yang giat berusaha memerdekan kedua-dua negeri Borneo itu daripada Persekutuan Malaysia.

Dengan menggunakan sentimen Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), mereka berusaha menyebarkan semangat anti-Malaya atau anti-Semenanjung dengan fitnah konon segala hak mereka telah dirompak.

Hakikatnya, nasib Sabah dan Sarawak jauh lebih baik berbanding

dua negeri pengeluar pantai timur iaitu Terengganu dan Kelantan.

Berbeza dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak yang menerima royalti petroleum saban tahun, kerajaan Terengganu di bawah Pas dahulu telah disekat daripada menerima hak yang sama bahkan kerajaan Pas Kelantan tidak menerimanya hinggalah kebelakangan ini selepas didesak hebat.

Konflik

Namun begitu, data miskin dan miskin tegar di Sabah mencatatkan angka melebihi 40,000 isi rumah manakala melebihi 50,000 di Sarawak. Di situlah ruang bahaya untuk dimanipulasi gerakan pemisah SSKM.

Sarjana Profesor Michael L. Ross dari UCLA dalam karya beliau berjudul *The Oil Curse: How Petroleum Wealth Shapes the Development of Nations* pada 2012 mendedahkan bagaimana antara tahun 1960 hingga 2010 sahaja terdapat 16 konflik puak pemisah meletus di wilayah yang kaya dengan minyak.

Bukan itu sahaja, Ross turut memberi amaran bahawa konflik puak pemisah di wilayah yang kaya dengan petroleum ini lebih mudah untuk meledak sekiranya ia dihuni oleh populasi minoriti yang tidak berkongsi keturunan kaum, etnik atau ras yang sama dengan pihak yang berkuasa di ibu negara berkenaan.

Jelas, seperti mana berlakunya konflik di 16 wilayah pengeluar petroleum antara 1960 hingga 2010 iaitu Sudan, Iran, Bangladesh, Rusia, Indonesia, Iraq dan sebagainya risiko tersebut juga boleh meletus di Sabah dan Sarawak kerana SSKM bukan sekadar memainkan sentimen penjajahan ekonomi Malaya, bahkan juga penjajahan politik dan budaya.

Maka, langkah memberi saham Petronas kepada Sabah dan Sarawak bukan sahaja bakal menamatkan fitnah 'Semenanjung rompak hasil bumi' kedua-dua negeri berkenaan, bahkan mengukuhkan negara Persekutuan kita ini.

Selain itu, dari segi geo-ekonomi pula, langkah sedemikian memberi sebahagian daripada

kuasa pengurusan Petronas yang juga pengeksport gas asli cecair ketiga terbesar di dunia kepada Sabah dan Sarawak. Pemberian autonomi sebegini sememangnya bertepatan pula dengan status Sabah dan Sarawak sebagai dua negeri yang mempunyai rizab minyak dan gas yang paling produktif di Laut China Selatan.

Benar, Petronas atau Petroleum Nasional Bhd merupakan penjana wang utama untuk kerajaan persekutuan namun tidak mustahil ia juga boleh dimanfaatkan sebagai wahana pengukuhan perpaduan nasional melalui agihan saham dan autonomi pengurusan yang relavan kepada Sabah dan Sarawak.

Paling tidak, penjualan sebahagian saham Petronas kepada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak itu akan mengekalkan saham-saham di dalam Malaysia bukannya dijual kepada pihak asing.

** Abdul Muein Abadi ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*